

NO. SOALAN: 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 21 MEI 2015

RUJUKAN : 7877

SOALAN:

Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah diambil oleh Kementerian untuk atasi permasalahan kemasukan dadah ke negeri Sarawak yang dilihat semakin membimbangkan dan boleh mendatangkan pelbagai masalah sosial serta menjadi punca kepada kegiatan jenayah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penyalahgunaan dadah masih merupakan musuh utama negara kerana implikasinya boleh merosakkan modal insan dan membawa kemudaratan yang besar serta boleh menghancurkan keharmonian negara dan institusi kekeluargaan itu sendiri. Penglibatan dalam pengambilan dadah juga boleh dikaitkan dengan peningkatan kadar pengangguran dalam negara kerana mereka yang terlibat dengan dadah tidak lagi mempunyai daya saing untuk bekerja dengan tekun dan sukar untuk diterima bekerja oleh majikan.

Kementerian telah merancang dan melaksanakan strategi untuk membanteras bekalan dan permintaan dadah dalam negara termasuk di negeri Sarawak seperti berikut:-

- i) Mempertingkatkan pengumpulan maklumat risikan untuk membanteras sindiket pengedaran dadah yang berprofil tinggi;**
- ii) Memfokuskan tindakan penguatkuasaan dan pencegahan ke atas '*addict cum pusher*' untuk membanteras permintaan dadah;**

- iii) **Memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan di pintu-pintu masuk negara (lapangan terbang antarabangsa, pintu sempadan, pelabuhan dan perairan) dengan menjalinkan kerjasama dengan pihak MAHB dan pihak keselamatan pelabuhan.**

- iv) **Penubuhan *Narcotics Border Suppression Unit* (NBSU) dan Unit Teknikal Imbasan Kenderaan (UTIK) sebagai satu langkah untuk memperkasakan tindakan penguatkuasaan membanteras penyeludupan dadah di sempadan negara. Unit ini akan diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, PDRM.**

- v) **Penubuhan unit *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* (STING) yang telah dilancarkan pada 30 Januari 2014. STING berperanan untuk mengenalpasti dan melumpuhkan rangkaian sindiket pengedaran dadah antarabangsa dan tempatan yang merupakan "*kingpin*" atau dalang di sebalik aktiviti pengedaran dadah yang beroperasi di dalam atau yang mempunyai rangkaian di luar negara.**

Statistik tangkapan atas kesalahan dadah di Sarawak bagi tahun 2010 sehingga 2014 seperti berikut:-

TAHUN	TANGKAPAN PENGEDAR (SEK. 39B ADB 1952)	LAIN-LAIN TANGKAPAN	JUMLAH
2010	62	3,813	3,875
2011	32	3,967	3,999
2012	36	3,492	3,528
2013	39	4,787	4,826
2014	31	5,461	5,492

Selain daripada tindakan penguatkuasaan, pihak Kerajaan melalui AADK juga melaksanakan pelbagai program dalam usaha membendung gejala dadah melalui program rawatan dan pemulihan, pencegahan, pengesanan dan pengawasan, gelombang kesukarelaan serta pelan media kempen antidadah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KEDUA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]**

TARIKH : 21 MEI 2015 (KHAMIS)

SOALAN : 37

Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab kekurangan sumber kewangan Kerajaan untuk membiayai projek pembukaan tanah peneroka baru dan penyediaan infrastruktur yang telah dihentikan sebagaimana terkandung dalam Memorandum Jemaah Menteri bertarikh 19 Julai 1989.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memutuskan untuk menamatkan pengambilan peneroka baru pada tahun 1989 adalah bagi membolehkan tanah-tanah rancangan FELDA diurus secara ladang komersil dan kos pengurusan ditanggung sendiri oleh FELDA. Secara umumnya, pengurusan tanah-tanah rancangan ini dilaksanakan mengikut kaedah yang baru pada waktu itu. Ianya merangkumi kos pembangunan tanah, penyelenggaraan ladang dan perbelanjaan pengurusan yang dibiayai melalui pinjaman dari Kerajaan kepada FELDA.

Dasar Kerajaan ini adalah supaya FELDA berdikari dan pengurangan peruntukan kewangan Kerajaan kepada FELDA dilaksanakan dari setahun ke setahun. Dengan pelaksanaan sistem ladang komersil oleh FELDA, ianya dapat meningkatkan pengurusan ladang dan pulangan hasil. Adalah menjadi harapan kerajaan supaya keuntungan sumber ladang-ladang FELDA dapat membiayai belanja mengurus dan aktiviti-aktiviti yang dipertanggungjawabkan kepada FELDA tanpa bergantung kepada sumber kerajaan.

Sekian. Terima kasih.